



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-20947033
Fax : 03-20956523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(19)KPKT/BPK/19/7/4 Klt.25

21 Mei 2009

SIARAN MEDIA

(PRESS RELEASE)

Berikut adalah maklum balas daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai laporan akhbar New Straits Times bertarikh 18 Mei 2009.

IT SHOWS FAILURE OF PRESENT SYSTEM

Terlebih dahulu Jabatan Perumahan Negara ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas pandangan serta saranan yang telah dikemukakan oleh Encik Chang Kim Loong, Setiausaha Kehormat Persatuan Pembeli Rumah (HBA) mengenai sistem penyampaian perumahan di Malaysia.

Seperti pihak tuan sedia maklum bahawa sistem penyampaian perumahan di bawah Konsep Jual Kemudian Bina (JKB) pada masa ini ianya adalah tertakluk kepada peraturan dan perundangan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Pembeli yang membeli rumah daripada pemaju yang dilesenkan di bawah Akta 118 perlu menandatangani surat perjanjian jual beli sepertimana yang ditetapkan di bawah Jadual G bagi tanah dan bangunan serta Jadual H bagi tanah atau bangunan yang dihasratkan

supaya dipecah bahagi kepada petak berasaskan Akta 118. Melalui surat perjanjian jual beli ini, pembeli perlu membayar kos pembangunan secara ansuran mengikut kemajuan projek yang telah ditetapkan di dalam Jadual Ketiga perjanjian tersebut.

Kerajaan melalui Jemaah Menteri pada 7 Jun 2006 telah memutuskan supaya Konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) Varian 10:90 dilaksanakan secara berselari dengan Konsep Jual Kemudian Bina (JKB) untuk tempoh peralihan selama 2 tahun bermula pada Jun 2007. Walaubagaimanapun, setakat ini tiada pemaju yang telah melaksanakan konsep BKJ tersebut.

KPKT secara dasarnya bersetuju pelaksanaan BKJ Varian 10:90 kerana ianya melindungi hak pembeli – pembeli rumah. Walaubagaimanapun pelaksanaan konsep tersebut tertakluk kepada sokongan dan kesediaan institusi kewangan dan kedudukan ekonomi semasa terutamanya di dalam meluluskan pinjaman titian (*bridging loan*).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan